

20 NOV 1999

Mahathir-Calon

MUKA BARU UNTUK SUNTIKAN IDEA BAGI PEMBAHARUAN, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) memperkenalkan muka baru pada pilihan raya umum ke-10 ini untuk membolehkan mereka menyumbang kepada pembaharuan di negara ini.

Beliau berkata sekiranya semua muka lama BN dikekalkan, sumbangan idea mereka untuk membangunkan negara mungkin merosot.

Oleh itu negara memerlukan suntikan idea daripada orang baru, katanya dalam temu ramah khas dengan Radio 3 Alor Setar yang disiarkan secara langsung dari pusat penamaan calon di Pejabat Daerah Kubang Pasu hari ini.

Katanya, bagi tujuan itu BN terpaksa menggugurkan sesetengah muka lama walaupun mereka masih mampu berkhidmat bagi memberi laluan kepada muka baru.

"Saya harap mereka tidak kecewa dan sedia berkorban," katanya.

Dr Mahathir berkata gabungan muka lama dan baru boleh menghasilkan pentadbiran yang cekap dan berkesan.

Muka lama perlu menyokong muka baru kerana dahulu orang juga menyokong mereka, katanya.

Beliau berharap penduduk tempatan dapat menerima calon-calon baru kerana walaupun mereka itu baru tetapi mereka telah dipilih oleh pelbagai peringkat dari cawangan parti sehingga pusat.

Katanya BN membuat pemilihan calon dengan begitu teliti sekali.

"Yakinlah walau ada orang yang tak dikenali, beri kepercayaan kepada orang yang buat pilihan," katanya.

Dr Mahathir yakin BN boleh menang dua pertiga kerusi Parlimen berdasarkan sokongan rakyat yang kian meningkat.

Dalam temu ramah 10 minit itu, beliau juga menyentuh mengenai pentingnya rakyat menggunakan undi dengan bijak demi masa depan mereka dan negara "dan bukannya untuk melepaskan geram".

Perdana Menteri juga bercakap mengenai pentingnya kemerdekaan negara daripada segi politik, ekonomi dan sosial dipertahankan oleh rakyat.

Yang turut mengiringi Dr Mahathir ke pusat penamaan calon ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

TEAM MFJ MAI